



Satu-satunya Platform Perdagangan Fokus Emas Yang Ideal di Asia Tenggara Penang Signature Gold & Jewellery Fair

Pulau Pinang, Malaysia: Industri emas semakin berkembang di Malaysia kerana Malaysia dikenali sebagai negara pembuatan emas yang mantap di seluruh dunia dengan sejarah perdagangannya yang meluas. Pameran perdagangan emas yang satu-satunya dalam Asia Tenggara - Penang Signature Gold & Jewellery Fair (PSG) akan diadakan di Pusat Konvensyen Setia SPICE, Pulau Pinang pada 15 – 17 Oktober 2021.

Permintaan untuk komoditi tempat perlindungan telah meningkat semasa wabak virus korona dan bukan hanya pelabur profesional yang mendapat keuntungan, tetapi perniagaan kecil juga. Kedai emas menggandakan atau melipatgandakan penjualan mereka semasa tempoh lockdown kerana emas dalam sebarang krisis, akan menjadi aset utama yang harus diperhatikan. Dengan tambahan zon Diamond & Gemstones baru yang menarik tahun ini, pengajur- Elite Expo Sdn Bhd bermatlamat mengumpul pengeluar-pengeluar dan pembeli-pembeli barang emas tempatan serta antarabangsa bersama-sama di bawah bumbung.

Projek ini terletak secara strategic di Pulau Pinang yang dikenali sebagai destinasi membeli-belah yang ideal untuk barang emas kerana industri sebelum ini bermula dari ketukangan emas yang mahir selama lebih dari satu abad. Dengan pengajuran pameran emas di Pulau Pinang, PSG 2021 bertujuan untuk mempromosikan ketukangan emas Malaysia serta membesarluaskan potensi Negara dalam pasaran emas ke peringkat dunia.

Sama seperti edisi yang berjaya sebelumnya, PSG 2021 disokong oleh Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan diberi penghormatan kerana mendapat sokongan besar dari badan-badan kerajaan, termasuk Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia, Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB), Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB) dan persatuan antarabangsa terkenal - Hong Kong Jewellery & Jade Manufacturers Association (HKJJA). Pengajur berhasrat untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemangkin perdagangan perhiasan emas standard global, sambil menyumbang dalam mempromosikan negara ini sebagai hab M.I.C.E terbaik seterusnya di mata dunia.

Pameran tahun lepas diakhiri dengan hasil yang baik dan mendapat respons positif dari industri dan juga pembeli, tahun ini PSG 2021 akan membuat peningkatan berterusan dan membawa platform perniagaan yang komprehensif kepada peserta pameran dan pembeli. Kami juga ingin menekankan bahawa rejim keselamatan yang ketat akan dilaksanakan di dalam pameran. Dengan bekerjasama dengan Setia SPICE Convention Center, PSG akan mematuhi garis panduan kesihatan dan keselamatan, dan protokol pembersihan yang dipertingkatkan dengan standard keselamatan dan kesihatan oleh kerajaan tempatan untuk memastikan persekitaran perdagangan yang bersih dan selamat.

Maklumat tentang PSG

PSG mengumpulkan pengeluar emas tempatan dan antarabangsa untuk mempamerkan reka bentuk perhiasan emas, teknologi, mesin, peralatan dan alat terkini. PSG berfungsi sebagai 'Trading Window to ASEAN' yang menyediakan platform perdagangan yang strategik dan tulen untuk peniaga emas dan perhiasan bersama-sama dalam mengembangkan pasaran emas dan perhiasan dari seluruh dunia. PSG terus meraih penjualan yang tinggi, menjadikan pameran ini sebagai hab utama sumber, penjenamaan dan perdagangan di Asia Tenggara.

Untuk pertanyaan, sila layari laman web kami www.elite.com.my/penanggold/ atau hubungi pengajur melalui (e-mel:psg@eliteexpo.com.my) atau (Tel: 03-58911157).

Untuk maklumat lebih lanjut:

Sila hubungi:

Encik Koo Siong Ann

Elite Expo Sdn Bhd

Penolong Pengurus PR & Komunikasi

Tel: 03-58911157 ext 119

Emel: koo@elite.com.my